

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan peruntukan untuk tahun 2020 dan 2021 bagi tujuan penyelenggaraan Taman Metropolitan Kepong termasuk kerja menaik taraf dan landskap. Apakah pelan untuk memudahkan orang awam bersenam di taman tersebut pada waktu malam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, peruntukan bajet bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan pembersihan di Taman Metropolitan Kepong adalah sebanyak RM570,000.00 bagi tahun 2020 dan RM570,000.00 bagi tahun 2021.

Peruntukan bajet bagi kerja-kerja menaiktaraf landskap adalah sebanyak RM1.1juta bagi tahun 2020 dan RM1.9 juta bagi tahun 2021.

Peruntukan bajet bagi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur taman termasuk peralatan Taman Permainan Kanak-kanak adalah RM440,000.00 bagi tahun 2020 dan RM300,000.00 bagi tahun 2021.

Bagi memudahkan orang awam bersenam di waktu malam, pihak Dewan Banadaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang untuk menambah lagi bilangan lampu-lampu di sekitar taman bagi meningkatkan keselamatan pengunjung. Pihak DBKL juga bercadang untuk memasang lampu di padang bola sepak sedia ada bagi membolehkan orang awam bermain pada waktu malam.

Sekian, terima kasih.